ACCU-CHEK® Performa

Roche

# Panduan Pengguna

Meter Glukosa Darah

ACCU-CHEK®

This file may not print or view at 100%.
Die lines and color breaks do not print.
"Holding Area" text, box and rules do not print.

Roche USA – 53931
V4/1 – 07738153001 – Black

Roche USA – 53931
V4/2 – 07738153001 – Cyan

Roche USA – 53931
V4/3 – 07738153001 – Magenta

Roche USA – 53931
V4/4 – 07738153001 – Yellow

53931_07738153001.indb 2 10/30/15 8:20 AM

MS

# Kandungan

Pengenalan ..... 3

Bab 1: Sistem baharu anda ..... 5

Bab 2: Pengukuran glukosa darah ..... 9

Bab 3: Memori meter, persediaan dan pemindahan data ..... 17

Bab 4: Ujian kawalan ..... 27

Bab 5: Penyelenggaraan dan pencarisilapan ..... 31

Bab 6: Maklumat teknikal ..... 37

Indeks ..... 43

This file may not print or view at 100%. Die lines and color breaks do not print. “Holding Area” text, box and rules do not print.

Roche USA – 53931
V2/1 – 07738153001 – Black

Roche USA – 53931
V2/2 – 07738153001 – PMS 287 CVC 30%

53931_07738153001.indb 2 10/30/15 8:20 AM

## Sistem Accu-Chek Performa

Meter Accu-Chek Performa direka bentuk untuk digunakan dengan jalur ujian Accu-Chek Performa untuk mengukur glukosa dalam vena, arteri, neonatal dan kapilari darah segar secara kuantitatif sebagai bantuan dalam memantau keberkesanan kawalan glukosa. Darah kapilari untuk ujian glukosa darah boleh diperoleh dari hujung jari dan tempat cucukan yang lain yang diluluskan (sebagai contoh, lengan bawah). Rujuk kepada bahagian ujian tempat cucukan yang lain (AST) panduan pengguna ini untuk tempat cucukan yang lain dan had berkaitan. Meter Accu-Chek Performa dengan jalur ujian Accu-Chek Performa memberikan sistem ujian lengkap yang bertujuan untuk diagnosis in vitro yang digunakan oleh pakar kesihatan dalam persekitaran klinikal dan oleh orang yang menghidap diabetes di rumah. Sistem ini bukan untuk kegunaan dalam diagnosis atau penyaringan diabetes melitus. Pengumpulan dan penyediaan sampel darah oleh pakar kesihatan diterangkan dalam sisip bungkusan jalur ujian.

Hanya untuk digunakan bersama jalur ujian dan larutan kawalan Accu-Chek Performa

Sesuai untuk pengujian sendiri

Sistem ini termasuk:

- **Meter Accu-Chek Performa dengan bateri**
- **Jalur ujian Accu-Chek Performa***
- **Larutan kawalan Accu-Chek Performa***

*Beberapa barangan mungkin tidak termasuk dalam kit. Barangan tersebut adalah pembelian berasingan.

**⚠ AMARAN**

Mana-mana objek yang terkena darah manusia berpotensi menjadi sumber jangkitan (lihat: Clinical and Laboratory Standards Institute: Protection of Laboratory Workers from Occupationally Acquired Infections; Approved Guideline – Third Edition; CLSI document M29-A3, 2005).

## Kenapa pengujian glukosa darah secara tetap adalah penting

Menguji glukosa darah anda secara tetap boleh memberi perbezaan besar dalam cara anda mengurus diabetes anda setiap hari. Kami telah menjadikan ia semudah yang mungkin.

## Maklumat penting mengenai meter baharu anda

- Meter tersebut datang bersama masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Anda mungkin perlu mengubah masa kepada zon masa anda.
- Jika anda mengikut langkah-langkah dalam panduan pengguna ini tetapi masih mempunyai simptom yang nampaknya tak sepadan dengan nilai pengukuran anda, atau jika anda ada sebarang pertanyaan, berbincang dengan pakar kesihatan anda.



53931_07738153001.indb 4 10/30/15 8:20 AM

## Meter Accu-Chek Performa

1. **Butang hidup/mati/set**
   Hidupkan atau matikan meter dan tetapkan pilihan.
2. **Paparan**
   Tunjukkan hasil pengukuran, mesej dan nilai pengukuran yang disimpan dalam memori.
3. **Butang anak panah kanan dan anak panah kiri**
   Tekan untuk memasukkan memori, melaras tetapan dan skrol ke seluruh nilai pengukuran.
4. **Slot jalur ujian**
   Masukkan jalur ujian di sini.
5. **Penutup tempat bateri**
6. **Tetingkap inframerah (IR)**
   Pindahkan data dari meter ke komputer.

# 1 Sistem baharu anda




(sebagai contoh)

7. **Bekas jalur ujian***
8. Masukkan hujung ini ke dalam meter.
9. **Tetingkap kuning**
   Sentuhkan titisan darah atau larutan kawalan di sini.
10. **Botol dengan larutan kawalan***
11. **Bateri**

*Beberapa barangan mungkin tidak termasuk dalam kit. Barangan tersebut adalah pembelian berasingan.

## Menggunakan sistem Accu-Chek Performa

- Gunakan jalur ujian Accu-Chek Performa sahaja.
- Gunakan jalur ujian serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian.
- Jangan titiskan darah atau larutan kawalan pada jalur ujian sebelum memasukkan ia ke dalam meter.
- Tutup rapat bekas jalur ujian sejurus selepas mengeluarkan jalur ujian untuk melindungi jalur ujian daripada kelembapan udara.
- Simpan jalur ujian yang tidak digunakan dalam bekas jalur ujian asal dengan penutup ditutup.
- Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian. Jangan gunakan jalur ujian selepas tarikh tersebut.
- Simpan bekas jalur ujian dan meter dalam tempat yang sejuk dan kering seperti bilik tidur.
- Rujuk pada sisip bungkusan jalur ujian untuk keadaan penyimpanan jalur ujian dan pengendalian sistem.

**⚠ AMARAN**

Jangan simpan jalur ujian dalam kawasan berhaba tinggi dan lembab (bilik air dan dapur)! Haba dan lembapan boleh merosakkan jalur ujian.



53931_07738153001.indb 7 10/30/15 8:20 AM

# 1 Sistem baharu anda

## Fungsi butang

Berikut adalah fungsi butang hidup/mati/set dan anak panah pada meter. Fungsi ini digunakan di seluruh panduan pengguna ini. Untuk maklumat lanjut mengenai penggunaan butang ini semasa penetapan meter, lihat Bab 3 Memori meter, persediaan dan pemindahan data.

| Butang | Fungsi | Tindakan |
|---|---|---|
| (butang hidup/mati/set) | Hidupkan dan matikan meter. | Tekan dan lepas. |
| | Masuk mod persediaan. | Hidupkan meter. Tekan dan **tahan** sehingga **set-up** (persediaan) muncul pada paparan. |
| | Tetapkan ciri yang dipilih. | Tekan dan lepas. |
| | Keluar mod persediaan pada bila-bila masa. | Tekan dan **tahan** sehingga simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan. |
| | Periksa segmen paparan. atau | Matikan meter. Tekan dan **tahan** untuk melihat paparan sepenuhnya.<br>Jika satu segmen hilang atau nampak berbeza daripada gambar, jangan gunakan meter. Hubungi Roche. |
| (butang anak panah kanan dan anak panah kiri) | Melaras tetapan masa dan tarikh, alat bip, peringatan ujian dan amaran hipoglisemik. | Tekan dan lepas ◀ atau ▶.<br>Tekan dan **tahan** ◀ atau ▶ untuk skrol lebih cepat. |
| | Memasuki memori. | Tekan dan lepas ◀ atau ▶. |
| | Tandakan keputusan nilai glukosa dalam darah. | Tekan dan lepas ◀ atau ▶. |



53931_07738153001.indb 8 10/30/15 8:20 AM

## Menjalankan pengukuran glukosa darah dengan darah daripada hujung jari anda

### NOTA

Sampel darah yang diambil daripada tapak tangan adalah sama seperti sampel darah yang diambil daripada hujung jari. Untuk menerima arahan ujian tempat cucukan yang lain (AST) dan penutup AST untuk mendapatkan darah daripada tapak tangan, hubungi Roche.

### ⚠ AMARAN

Keputusan nilai glukosa dalam darah boleh dipaparkan sama ada dalam mg/dL atau mmol/L. Label di belakang meter menunjukkan unit pengukuran. Jika meter menunjukkan unit yang salah, hubungi Roche. Jika anda tidak tahu unit pengukuran yang mana betul untuk anda, hubungi pakar kesihatan anda. Menggunakan unit pengukuran yang salah boleh mengakibatkan salah interpretasi paras glukosa dalam darah sebenar anda dan boleh membawa kepada terapi yang tidak wajar.



# 2 Pengukuran glukosa darah

Sebelum anda menjalankan pengukuran glukosa darah pertama anda, tetapkan meter dengan betul. Anda memerlukan meter, jalur ujian, alat pencucuk dan jarum.

**1**



Basuh dan keringkan tangan anda.

**2**

Sediakan alat pencucuk.

**3**




Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian.

Jangan gunakan jalur ujian yang melepasi tarikh tamat tempoh simpanan.

**4**



Masukkan jalur ujian ke dalam meter mengikut arah anak panah.

Meter akan hidup dan berbunyi bip.

**5**



Apabila simbol titisan darah berkelip, lakukan cucukkan jari dengan alat pencucuk.

**6**



Picit perlahan-lahan jari anda untuk membantu aliran darah.

Ini membantu anda mendapatkan titisan darah.

**7**



Sentuhkan titisan darah pada **sisi hadapan** tetingkap kuning jalur ujian.

Jangan letakkan darah pada bahagian atas jalur ujian.

Meter berbunyi bip dan ▣ berkelip apabila telah terdapat cukup darah dalam jalur ujian.



53931_07738153001.indb 10 10/30/15 8:20 AM

## 8




Nilai pengukuran muncul pada paparan.

Untuk memberikan tanda pada nilai pengukuran, biarkan jalur ujian dalam meter. Lihat Bab 2, Tanda nilai glukosa dalam darah dan tetapkan peringatan ujian selepas makan.

Jika tidak, alih keluar dan buang jalur ujian yang telah digunakan.

Selepas berjaya melakukan pengukuran, meter akan mati sendiri selama 5 saat selepas jalur ujian dialih keluar.

## Menjalankan pengukuran glukosa darah dengan darah daripada tapak tangan, lengan bawah atau lengan atas anda (ujian tempat cucukan yang lain)

Anda ada pilihan pengambilan sampel darah dari tapak lain pada tubuh selain daripada hujung jari. Tempat cucukan yang lain termasuk tapak tangan, lengan bawah atau lengan atas.

Darah yang diambil dari hujung jari dan tapak tangan boleh digunakan pada bila-bila masa untuk menjalankan pengukuran glukosa darah.
Jika darah dari lengan bawah atau lengan atas digunakan, terdapat masa-masa tertentu apabila pengukuran tidak sesuai. Ini kerana paras glukosa dalam darah anda berubah lebih cepat dalam hujung jari anda dan tapak tangan berbanding dalam lengan bawah atau lengan atas. Perbezaan ini boleh menyebabkan anda salah interpretasi paras glukosa dalam darah anda sebenar, membawa kepada terapi tidak wajar dan potensi kesan kesihatan yang memudaratkan.
Baca bahagian seterusnya sebelum anda cuba menguji dari lengan bawah dan lengan atas.



53931_07738153001.indb 12 10/30/15 8:20 AM

| | |
|---|---|
| **Anda boleh melakukan ujian lengan bawah dan lengan atas** | • sejurus sebelum makan.<br>• semasa berpuasa. |
| **Anda TIDAK boleh melakukan ujian lengan bawah dan lengan atas** | • sehingga 2 jam selepas makan, apabila nilai glukosa dalam darah boleh meningkat dengan cepat.<br>• selepas menyuntik insulin bolus, apabila nilai glukosa dalam darah boleh menurun dengan cepat.<br>• selepas bersenam.<br>• jika anda sakit.<br>• jika anda rasa glukosa darah anda rendah (hipoglisemia).<br>• jika kadang-kadang anda tidak perasan bila glukosa darah anda rendah. |

Jika anda berminat dalam AST, bincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.
Untuk mendapatkan penutup AST dan arahan AST terperinci, hubungi Roche.



53931_07738153001.indb 13 10/30/15 8:20 AM

## Tanda nilai glukosa dalam darah dan tetapkan peringatan ujian selepas makan

Anda boleh menandakan nilai glukosa dalam darah untuk menunjukkan peristiwa khas. Jika anda memilih tanda nilai pengukuran, ia secara automatik disimpan dalam memori. Apabila anda menyemak nilai pengukuran dalam memori, tanda ini boleh membantu anda mengingati apa yang berbeza mengenai nilai pengukuran tersebut.

| Simbol | Fungsi |
|---|---|
| | **Tanda sebelum makan**<br>Menanda nilai glukosa dalam darah dengan tanda sebelum makan memberikan lebih maklumat mengenai nilai pengukuran anda untuk membantu anda dan pakar kesihatan anda dalam pengurusan diabetes anda. |
| | **Tanda sebelum makan dengan peringatan ujian selepas makan**<br>Apabila nilai pengukuran sebelum makan ditandakan dengan peringatan ujian selepas makan, meter berbunyi bip 1 atau 2 jam selepas anda menguji untuk mengingatkan anda untuk melakukan pengukuran selepas makan. |
| | **Tanda selepas makan**<br>Menanda nilai glukosa dalam darah dengan tanda selepas makan memberikan lebih maklumat mengenai nilai pengukuran anda untuk membantu anda dan pakar kesihatan anda dalam pengurusan diabetes anda. Tanda selepas makan secara automatik muncul dengan nilai pengukuran jika pengukuran glukosa darah dilakukan 15 minit sebelum atau selepas peringatan ujian selepas makan diprogram untuk berbunyi bip. Tetapkan masa peringatan ujian selepas makan 1 atau 2 jam dalam mod persediaan. Meter akan berbunyi bip 1 atau 2 jam selepas pengukuran sebelum makan untuk mengingatkan anda untuk melakukan pengukuran selepas makan. |
| * | **Tanda am**<br>Anda mungkin mahu menggunakan tanda am untuk menanda peristiwa seperti nilai pengukuran AST atau senaman. |

**Ini adalah cara untuk menandakan nilai pengukuran dan memulakan peringatan ujian selepas makan:**

1. Menjalankan pengukuran glukosa darah. Nilai glukosa dalam darah muncul pada paparan.
2. Biarkan jalur ujian dalam meter. Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk togol ke tanda nilai pengukuran dan peringatan ujian selepas makan.
3. Apabila tanda atau peringatan ujian yang anda ingin pilih muncul pada paparan, alih keluar jalur ujian dari meter.

## Nilai glukosa dalam darah yang luar biasa

Jika nilai glukosa dalam darah anda tidak sepadan dengan apa yang anda rasa, semak senarai ini untuk membantu menyelesaikan masalah.

| Semakan Pencarisilapan | Tindakan |
|---|---|
| 1. Adakah jalur ujian tamat tempoh? | Buang jalur ujian jika ia telah melepasi tarikh tamat tempoh simpanan. Ulang pengukuran glukosa darah dengan jalur ujian yang belum tamat tempoh. |
| 2. Adakah penutup pada bekas jalur ujian ditutup rapat? | Gantikan jalur ujian jika anda fikir jalur bekas jalur ujian tidak ditutup untuk satu tempoh. Ulang pengukuran glukosa darah. |
| 3. Adakah jalur ujian digunakan serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian? | Ulang pengukuran glukosa darah dengan jalur ujian baharu. |
| 4. Adakah jalur ujian disimpan di tempat yang sejuk dan kering? | Ulang pengukuran glukosa darah dengan jalur ujian yang disimpan dengan betul. |
| 5. Adakah anda mengikuti arahan? | Lihat Bab 2 Pengukuran glukosa darah dan ulang pengukuran glukosa darah. Hubungi Roche jika anda masih menghadapi masalah. |
| 6. Adakah meter dan jalur ujian berfungsi dengan betul? | Menjalankan ujian kawalan. Lihat Bab 4 Menjalankan ujian kawalan, untuk arahan. |
| 7. Adakah anda masih kurang pasti apakah masalahnya? | Hubungi Roche. |

## Simptom glukosa darah rendah atau tinggi

Mengetahui simptom glukosa darah rendah atau tinggi boleh membantu anda memahami nilai pengukuran anda dan membuat keputusan apa yang perlu dilakukan sekiranya keputusan nampak luar biasa.

Glukosa darah rendah (hipoglisemia): Simptom hipoglisemia termasuk, tetapi tidak terhad kepada, resah, menggeletar, berpeluh, sakit kepala, meningkat rasa lapar, pening, warna kulit pucat, perubahan mood secara tiba-tiba atau kerengsaan, lesu, susah untuk menumpukan perhatian, kekok, berdebar-debar dan/atau keliru.

Glukosa darah tinggi (hiperglikemia): Simptom hiperglikemia boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, meningkat rasa dahaga, kerap buang air kecil, pandangan kabur, mengantuk dan/atau kehilangan berat badan yang tidak dapat diterangkan.

**⚠ AMARAN**

Jika anda mengalami mana-mana simptom ini, atau simptom yang luar biasa, uji glukosa darah anda dari hujung jari atau tapak tangan. Jika nilai glukosa dalam darah dipaparkan sebagai LO atau HI hubungi pakar kesihatan anda serta-merta.



53931_07738153001.indb 16 10/30/15 8:20 AM

## Memori

### Menyimpan nilai glukosa dalam darah dan keputusan kawalan

Meter tersebut secara automatik menyimpan sehingga 500 nilai glukosa dalam darah dan sehingga 20 keputusan kawalan dengan masa dan tarikh hasil pengukuran dan apa-apa tanda nilai pengukuran yang anda boleh semak pada bila-bila masa. Nilai pengukuran disimpan daripada yang terkini sehingga yang paling lama, oleh itu tetapkan masa dan tarikh dalam meter dengan betul. Mempunyai tetapan masa dan tarikh yang betul membantu memastikan interpretasi sesuai nilai glukosa dalam darah disimpan oleh anda dan pasukan penjagaan kesihatan anda.

**NOTA**

- Memori tidak hilang bila bateri diganti; walau bagaimanapun, sahkan masa dan tarikh masih betul. Lihat Bab 3 Menetapkan masa dan tarikh.
- Apabila 500 nilai glukosa dalam darah ada di dalam memori, menambah satu nilai pengukuran baharu akan menyebabkan satu keputusan yang paling lama dihapuskan.
- Jika lebih daripada 500 pengukuran glukosa darah dilakukan dalam tempoh 90 hari, hanya 500 nilai pengukuran paling baru dimasukkan dalam nilai purata 90-hari.
- Keputusan kawalan disimpan dalam memori, tetapi tidak boleh disemak pada meter. Untuk melihat keputusan kawalan yang disimpan, pindahkan keputusan tersebut kepada aplikasi perisian serasi dahulu. Hubungi Roche untuk kesediaan produk.
- Keputusan kawalan tidak dimasukkan dalam nilai purata 7-, 14-, 30-, dan 90-hari.
- Hanya nilai pengukuran yang telah ditugaskan tanda sebelum makan atau selepas makan dimasukkan dalam nilai purata sebelum makan dan selepas makan. Keputusan nilai glukosa dalam darah dimasukkan secara am dalam nilai purata 7-, 14-, 30-, dan 90-hari.



53931_07738153001.indb 17 10/30/15 8:20 AM

# 3 Memori meter, persediaan dan pemindahan data

## Memori

### Melihat nilai pengukuran dalam memori

Dengan meter dihidupkan atau dimatikan, tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk memasuki memori. Nilai pengukuran terkini muncul pada paparan.

| Butang | Fungsi | Tindakan |
|---|---|---|
| ◀ (butang anak panah kiri) | Nilai pengukuran sebelumnya | Tekan ◀ untuk melihat nilai pengukuran sebelumnya daripada yang terkini sehingga yang paling lama.<br>memory 6:00pm 12-11 ➡ memory 2:30pm 12-11 ➡ memory 8:30am 12-11 |
| ▶ (butang anak panah kanan) | Nilai purata am | Tekan ▶ untuk melihat nilai purata 7-, 14-, 30-, dan 90-hari.<br>n = bilangan nilai pengukuran dalam nilai purata<br>memory n 21 7day ave ➡ memory n 42 14day ave ➡ memory n 89 30day ave |
| ▶ (butang anak panah kanan) | Nilai purata sebelum makan<br>Nilai purata selepas makan | Teruskan menekan ▶ untuk melihat nilai purata sebelum makan dan selepas makan 7-, 14-, 30-, dan 90-hari. |

**⚠ AMARAN**

Jangan ubah terapi anda berdasarkan pada nilai pengukuran individu dalam memori. Berbincang dengan pakar kesihatan anda sebelum menukar terapi berdasarkan pada nilai pengukuran dalam memori.



53931_07738153001.indb 18 10/30/15 8:20 AM

## Persediaan

### Menggunakan mod persediaan

Ciri-ciri berikut boleh disesuaikan mengikut keperluan.

| Simbol | Fungsi | Tindakan | Pratetapan Kilang |
|---|---|---|---|
| | **Masa dan tarikh** | Tetapkan masa dan tarikh. | |
| | **Alat bip** | Pilih **On** atau **OFF**. Menetapkan alat bip kepada **OFF** tidak mempengaruhi nilai pengukuran.<br>Alat bip hendaklah **On** untuk menggunakan ciri peringatan ujian. | On |
| | **Peringatan ujian selepas makan** | Pilih 1 jam atau 2 jam. Meter akan berbunyi bip 1 atau 2 jam selepas ujian sebelum makan untuk mengingatkan anda untuk melakukan ujian selepas makan. | 2Hr |
| | **Peringatan ujian** | Pilih **On** atau **OFF**. Anda boleh menetapkan sehingga 4 peringatan ujian sehari. | A-1 8:00 pagi<br>A-2 12:00 tengah hari<br>A-3 6:00 petang<br>A-4 10:00 malam |
| | **Amaran hipoglisemik** | Pilih **On** atau **OFF**. Amaran hipoglisemik boleh ditetapkan pada tahap antara 50 dan 90 mg/dL atau 2.8 dan 5.0 mmol/L untuk memberitahu anda apabila glukosa darah anda mungkin terlalu rendah. | OFF |

# 3 Memori meter, persediaan dan pemindahan data

## Persediaan

### Menetapkan masa dan tarikh

**1**

Tekan dan lepas ⏻ (butang hidup/mati/set) untuk menghidupkan meter.
Simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.

**2**




Tekan dan **tahan** ⏻ sehingga **set-up** muncul pada paparan.
Jam berkelip.

**3**




Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk mengurangkan atau menaikkan jam.
Tekan dan lepas ⏻ untuk menetapkan jam.
Minit berkelip.

**4**




Ulang langkah 3 untuk menetapkan minit, am/pm (pagi/petang), bulan, hari dan tahun.
Untuk menetapkan lebih banyak pilihan, tekan dan lepas ⏻.
Untuk keluar, tekan dan **tahan** ⏻ sehingga simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.



53931_07738153001.indb 20 10/30/15 8:20 AM

## Persediaan

### Menetapkan alat bip pada On atau OFF

**NOTA**

**Alat bip mengingatkan anda:**

- untuk titiskan darah atau larutan kawalan pada jalur ujian.
- apabila cukup darah atau larutan kawalan diserap ke dalam jalur ujian.
- apabila pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan siap.
- apabila butang ditekan.
- apabila tiba masa untuk menjalankan pengukuran (jika anda menetapkan peringatan ujian atau peringatan ujian selepas makan).
- jika ralat berlaku semasa menjalankan pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan (walaupun alat bip dimatikan, ia masih berbunyi untuk ralat).

**1**

Tekan dan lepas ◐ untuk menghidupkan meter. Simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.

Tekan dan **tahan** ◐ sehingga **set-up** muncul pada paparan.

**2**




Tekan dan lepas ◐ berulang kali sehingga simbol alat bip berkelip dan **On** atau **OFF** muncul pada paparan.

**3**

Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk menukar antara **On** dan **OFF**.

Untuk menetapkan lebih banyak pilihan, tekan dan lepas ◐.

Untuk keluar, tekan dan **tahan** ◐ sehingga simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.

## Persediaan

### Menetapkan peringatan ujian selepas makan

**NOTA**

**Peringatan ujian selepas makan:**
- berbunyi bip 1 atau 2 jam selepas pengukuran glukosa darah untuk mengingatkan anda untuk melakukan ujian selepas makan.
- berbunyi bip setiap 2 minit sehingga 3 kali.
- matikan dengan memasukkan jalur ujian atau menekan mana-mana butang.
- Jika pengukuran glukosa darah tidak dilakukan dalam masa 15 minit daripada peringatan ujian, peringatan ujian tidak akan berbunyi.
- Jika meter dihidupkan pada masa peringatan ujian, peringatan ujian tidak berbunyi.
- Pendedahan kepada keadaan sejuk boleh melumpuhkan peringatan ujian sehingga meter dihidupkan.

**1**

Tekan dan lepas ◐ untuk menghidupkan meter. Simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.

Tekan dan **tahan** ◐ sehingga **set-up** muncul pada paparan.

**2**




Tekan dan lepas ◐ berulang kali sehingga **set-up** dan kelipan **1Hr** atau **2Hr** muncul pada paparan.

**3**

Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk memilih **1Hr** atau **2Hr**.

Tekan dan lepas ◐ untuk menetapkan pilihan.

Untuk menetapkan lebih banyak pilihan, tekan dan lepas ◐.

Untuk keluar, tekan dan **tahan** ◐ sehingga simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.

Paparan muncul apabila peringatan ujian selepas makan berlaku.



## Persediaan

### Menetapkan peringatan ujian

**NOTA**

**Peringatan ujian:**
- berbunyi bip pada masa yang sama setiap hari.
- berbunyi bip setiap 2 minit sehingga 3 kali.
- matikan dengan memasukkan jalur ujian atau menekan mana-mana butang.

- Jika pengukuran glukosa darah tidak dilakukan dalam masa 15 minit daripada peringatan ujian, peringatan ujian tidak akan berbunyi.
- Jika meter dihidupkan pada masa peringatan ujian, peringatan ujian tidak berbunyi.
- Pendedahan kepada keadaan sejuk boleh melumpuhkan peringatan ujian sehingga meter dihidupkan.
- Jika peringatan ujian dimatikan dalam mod persediaan, sebarang peringatan ujian seterusnya juga dimatikan. Contohnya jika anda tetapkan A-1 tetapi mematikan A-2, maka A-3 dan A-4 akan dimatikan secara automatik.

**1**

Tekan dan lepas ⏻ untuk menghidupkan meter. Simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan. Tekan dan **tahan** ⏻ sehingga **set-up** muncul pada paparan.

**2**




Tekan dan lepas ⏻ berulang kali sehingga simbol loceng, **OFF**, **set-up**, dan **A-1** berkelip muncul pada paparan.

**3**

Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk menukar antara **On** dan **OFF**. Tekan dan lepas ⏻ untuk menetapkan pilihan anda. Jika **On** dipilih, jam berkelip.

**4**




Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk melaras jam. Tekan dan lepas ⏻ untuk menetapkan jam. Minit berkelip.

**5**

Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk memilih **00**, **15**, **30**, atau **45**. Hanya ini sahaja pilihan yang ada.

Tekan dan lepas ⓘ untuk menetapkan minit.

**am** atau **pm** berkelip.

**6**

Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk menukar antara **am** dan **pm**.

Tekan dan lepas ⓘ untuk menetapkan **am** atau **pm**.

Simbol loceng, **OFF**, dan **A-2** berkelip muncul pada paparan.

**7**

Sama ada tetapkan peringatan ujian **A-2** atau tekan dan lepaskan ⓘ untuk menetapkan lebih banyak pilihan.

Untuk keluar, tekan dan **tahan** ⓘ sehingga simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.

## Persediaan

### Menetapkan amaran hipoglisemik

**⚠ AMARAN**

- Fungsi bukan pengganti untuk latihan hipoglisemia oleh pakar kesihatan anda.
- **Pengguna:** Sebelum anda menetapkan amaran hipoglisemik, bincang dengan pakar kesihatan anda untuk membantu anda membuat keputusan di manakah paras glukosa dalam darah adalah tahap hipoglisemik anda.
- **Pakar kesihatan:** Tahap hipoglisemik boleh berbeza dari orang ke orang. Disarankan untuk **OFF** amaran hipoglisemik apabila menggunakan meter dalam tetapan profesional.

**1**

Tekan dan lepas ◐ untuk menghidupkan meter.
Simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.
Tekan dan **tahan** ◐ sehingga **set-up** muncul pada paparan.

**2**




Tekan dan lepas ◐ berulang kali sehingga **set-up**, **OFF**, dan kelipan ⓘ muncul pada paparan.

**3**

Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk menukar antara **On** dan **OFF**.
Tekan dan lepas ◐ untuk menetapkan pilihan anda.
Jika anda memilih **On**, **set-up** muncul dan ⓘ berkelip.

**4**




Tekan dan lepas ◀ atau ▶ untuk melaras tahap.
Tekan dan lepas ◐ untuk menetapkan tahap.
Untuk keluar, tekan dan **tahan** ◐ sehingga simbol jalur ujian berkelip muncul pada paparan.
Mod persediaan telah lengkap.

## Pemindahan data

### Memindahkan hasil pengukuran ke komputer

Kami menawarkan berbagai-bagai perisian untuk membantu anda memindahkan hasil pengukuran anda. Untuk maklumat mengenai perisian Accu-Chek, hubungi Roche.

Anda boleh memindahkan hasil pengukuran anda yang tersimpan ke komputer untuk menjejak, mengenal pasti corak dan mencetak.

**⚠ AMARAN**

Memindahkan data ke komputer dari meter yang digunakan untuk menguji berbilang pesakit TIDAK digalakkan kerana hasil pengukuran seseorang pesakit tidak boleh dikenal pasti.

**Memindahkan data terus ke komputer menggunakan perisian khusus dan kabel inframerah**

1. Pasang perisian mengikut arahan.
2. Untuk memindahkan keputusan ke komputer, sambung kabel inframerah mengikut arahan.
3. Jalankan program perisian dan ikut arahan untuk pemindahan data. Pastikan perisian telah sedia untuk menerima data dari meter.
4. Dengan meter dimatikan, tekan dan **tahan** kedua-dua ◀ dan ▶ sehingga 2 anak panah pada paparan berganti-ganti berkelip.
5. Cari tetingkap inframerah (IR) di bahagian atas meter.
6. Cari tetingkap IR pada kabel inframerah.
7. Letakkan meter pada permukaan mendatar. Halakan 2 tetingkap IR ke arah satu sama lain. Kedua-duanya perlu berada dalam jarak 3–10 cm.
8. Jangan gerakkan kabel inframerah atau meter semasa pemindahan data.
9. Ikut prom pada perisian.
10. Program perisian boleh mematikan meter secara automatik apabila pemindahan data telah siap. Sekiranya ini berlaku, ikut prom pada skrin komputer.



**NOTA**

- Jika data tidak berjaya dipindahkan, cuba lagi. Hubungi Roche jika anda masih menghadapi masalah.
- Untuk menggunakan ciri pemindahan, pastikan meter ditetapkan pada masa dan tarikh yang betul.



53931_07738153001.indb 26 10/30/15 8:20 AM

## Bila hendak menjalankan ujian kawalan

Menjalankan ujian kawalan membolehkan anda tahu meter dan jalur ujian berfungsi dengan betul. Anda perlu melakukan ujian kawalan bila:

- anda membuka kotak jalur ujian baharu.
- anda membiarkan bekas jalur ujian terbuka.
- anda rasa jalur ujian rosak.
- anda mahu memeriksa meter dan jalur ujian.
- jalur ujian disimpan dalam suhu, kelembapan udara yang melampau atau kedua-duanya.
- anda menjatuhkan meter.
- nilai pengukuran anda tidak sepadan dengan bagaimana anda rasa.
- anda mahu memeriksa sama ada anda menjalankan pengukuran dengan betul.

## Mengenai larutan kawalan

- Gunakan larutan kawalan Accu-Chek Performa sahaja.
- Tutup rapat botol dengan larutan kawalan selepas digunakan.
- Tulis tarikh anda membuka botol dengan larutan kawalan pada label botol. Larutan kawalan hendaklah dibuang 3 bulan dari tarikh botol dengan larutan kawalan dibuka (tarikh buang) atau pada tarikh tamat tempoh simpanan pada label botol, yang mana-mana satu sampai dulu.
- Jangan gunakan larutan kawalan yang melepasi tarikh buang atau tarikh tamat tempoh simpanan.
- Rujuk pada sisip bungkusan larutan kawalan untuk syarat penyimpanan larutan kawalan.
- Meter mengenali secara automatik perbezaan antara larutan kawalan dan darah.
- Keputusan kawalan tidak dipaparkan dalam memori.
- Larutan kawalan boleh meninggalkan kesan pada kain. Bersihkan kesan dengan mencuci dengan sabun dan air.



53931_07738153001.indb 27 10/30/15 8:20 AM

# 4 Ujian kawalan

## Menjalankan ujian kawalan

Anda memerlukan meter, jalur ujian dan larutan kawalan Tahap 1 atau Tahap 2.

**1**

Periksa tarikh tamat tempoh simpanan pada bekas jalur ujian. Jangan gunakan jalur ujian yang melepasi tarikh tamat tempoh simpanan.

**2**



Masukkan jalur ujian ke dalam meter mengikut arah anak panah.

Letakkan meter pada permukaan mendatar.

**3**

Pilih larutan kawalan untuk diuji. Anda akan memasukkan tahap kemudian dalam ujian ini.

**4**

Tanggalkan penutup daripada botol dengan larutan kawalan. Lap muncung botol dengan tisu.

Picit botol sehingga terbentuk titisan kecil pada hujung.

**5**

Sentuhkan titisan pada **sisi hadapan** tetingkap kuning jalur ujian sehingga anda nampak ⌛ berkelip.

**Jangan letakkan larutan kawalan pada bahagian atas jalur ujian.**

Apabila anda nampak ⌛ berkelip, telah terdapat larutan kawalan yang mencukupi dalam jalur ujian.

**6**

Lap muncung botol dengan tisu. Tutup rapat botol tersebut.



53931_07738153001.indb 28 10/30/15 8:20 AM

**7**




(sebagai contoh)

Keputusan kawalan, simbol botol, dan **L** berkelip muncul pada paparan. Jangan alih keluar jalur ujian lagi.

Tekan ▶ untuk menandakan keputusan kawalan sebagai Tahap 1. Tekan ▶ kali kedua untuk menandakan keputusan kawalan sebagai Tahap 2.

**8**

(sebagai contoh)

Tekan dan lepas ◉ untuk menetapkan tahap kawalan dalam meter.

**OK** dan keputusan kawalan akan bersilih ganti pada paparan jika keputusan kawalan dalam julat.

**Err** dan keputusan kawalan akan bersilih ganti pada paparan jika keputusan kawalan tidak dalam julat.

Alih keluar dan buang jalur ujian yang telah digunakan.

Selepas berjaya melakukan ujian, meter akan mati selama 5 saat selepas jalur ujian dialih keluar.

## Memahami keputusan kawalan luar julat

**⚠ AMARAN**

Julat kawalan dicetak pada label bekas jalur ujian. Jika keputusan kawalan di luar julat, periksa senarai ini untuk membantu menyelesaikan masalah.

| Semakan pencarisilapan | Tindakan |
|---|---|
| 1. Adakah jalur ujian atau larutan kawalan tamat tempoh? | Buang jalur ujian atau larutan kawalan jika satu daripadanya telah melepasi tarikh tamat tempoh simpanan. Jika larutan kawalan dibuka lebih daripada 3 bulan yang lalu, buangkannya. Ulang ujian kawalan dengan jalur ujian yang tidak tamat tempoh dan larutan kawalan yang tidak tamat tempoh. |
| 2. Adakah anda lap hujung botol dengan larutan kawalan sebelum menggunakan? | Lap muncung botol dengan tisu. Ulang ujian kawalan dengan jalur ujian baharu dan titisan larutan kawalan baharu. |
| 3. Adakah penutup bekas jalur ujian dan botol dengan larutan kawalan sentiasa ditutup rapat? | Gantikan jalur ujian atau larutan kawalan jika anda fikir sama ada satu daripadanya tidak ditutup untuk satu tempoh. Ulang ujian kawalan. |
| 4. Adakah jalur ujian digunakan serta-merta selepas ia dikeluarkan dari bekas jalur ujian? | Ulang ujian kawalan dengan jalur ujian baharu dan titisan larutan kawalan baharu. |
| 5. Adakah jalur ujian dan larutan kawalan disimpan di tempat yang sejuk dan kering? | Ulang ujian kawalan dengan jalur ujian atau larutan kawalan yang disimpan dengan betul. |
| 6. Adakah anda mengikuti arahan? | Baca Bab 4 Ujian kawalan, dan ulang ujian kawalan. |
| 7. Adakah anda memilih tahap larutan kawalan yang betul, sama ada 1 atau 2 semasa anda melakukan ujian kawalan? | Jika anda memilih tahap larutan kawalan yang salah, anda masih boleh membandingkan keputusan kawalan dengan julat yang dicetak pada bekas jalur ujian. |
| 8. Adakah anda masih kurang pasti apakah masalahnya? | Hubungi Roche. |



53931_07738153001.indb 30 10/30/15 8:20 AM

## Penyelenggaraan meter

Meter menguji secara automatik sistemnya sendiri setiap kali anda menghidupkan ia dan memberitahu anda jika ada sesuatu yang tidak betul. Lihat Bab 5 Mesej paparan dan ralat.

Jika anda menjatuhkan meter atau anda fikir hasil pengukuran tidak tepat, hubungi Roche.

## Menukar bateri

1

Buka penutup tempat bateri pada bahagian belakang meter dengan menolak tab dalam arah anak panah dan menarik penutup tempat bateri ke atas.

2

Alih keluar bateri lama. Masukkan bateri baharu dengan **(+) mengadap ke atas**.

3

Pasangkan penutup tempat bateri semula di tempatnya dan tutup sehingga berdetak.

**NOTA**

- Meter menggunakan bateri litium 3 volt, jenis sel syiling CR2032. Bateri jenis ini boleh didapati di banyak kedai. Lebih baik jika ada menyimpan bateri ganti.
- Semua hasil pengukuran akan kekal disimpan dalam memori.

## Membersihkan meter

Pastikan meter tidak berhabuk. Jika anda perlu membersihkan atau nyahjangkit meter, ikut garis panduan berikut berhati-hati untuk membantu anda mendapatkan prestasi terbaik.

**⚠ AMARAN**

- Jangan benarkan cecair memasuki mana-mana bukaan dalam meter.
- Jangan sembur larutan pembersih secara langsung pada meter.
- Jangan celup meter dalam cecair.

1. Pastikan meter dimatikan.
2. Lap permukaan meter perlahan-lahan dengan kain lembut yang dibasahkan sedikit (perah sebarang cecair lebihan) dengan satu daripada larutan pembersih ini:
   - Isopropil alkohol 70 %
   - Cecair cuci pinggan lembut dicampur dengan air
   - Larutan peluntur rumah 10 % (1 bahagian peluntur campur 9 bahagian air) yang dibuat pada hari yang sama



53931_07738153001.indb 32 10/30/15 8:20 AM

## Mesej paparan dan ralat

**⚠ AMARAN**

- **Jangan sekali-kali membuat keputusan terapi berdasarkan pada mesej ralat.**
- Jika anda ada sebarang keraguan atau lihat sebarang paparan ralat lain, hubungi Roche.

| Paparan | Tindakan |
|---|---|
| Meter tidak dapat hidup atau paparan kosong. | • Bateri mati. Masukkan bateri baharu.<br>• Paparan rosak. Hubungi Roche.<br>• Meter rosak. Hubungi Roche.<br>• Suhu melampau. Alihkan meter ke tempat yang suhu lebih sederhana. |
| | Kuasa bateri rendah. Tukar bateri secepat mungkin. |
| set-up 10:38 am 12-11 | Meter dalam mod persediaan, menunggu anda mengubah atau mengesahkan tetapan. |
| | Meter sedia untuk anda masukkan jalur ujian. |
| | Meter sedia untuk titisan darah atau larutan kawalan. |
| HI | Glukosa darah boleh lebih tinggi daripada julat pengukuran sistem. Lihat Bab 2 Nilai glukosa dalam darah yang luar biasa. |
| LO | Glukosa darah boleh lebih rendah daripada julat pengukuran sistem. Lihat Bab 2 Nilai glukosa dalam darah yang luar biasa. |
| ! | Glukosa darah di bawah mentakrifkan tahap hipoglisemia (glukosa darah rendah). Lihat Bab 2 Nilai glukosa dalam darah yang luar biasa. |

| Paparan | Tindakan |
|---|---|
| * | Tanda am ditetapkan kepada nilai pengukuran ini. |
| | Tanda sebelum makan ditetapkan kepada nilai pengukuran ini. |
| | Tanda selepas makan ditetapkan kepada nilai pengukuran ini. |
| | Tanda sebelum makan ditetapkan kepada nilai pengukuran ini dan peringatan ujian selepas makan telah diaktifkan. |
| E-1 | Jalur ujian mungkin rosak atau tidak dimasukkan dengan betul. Alih keluar dan masukkan semula jalur ujian atau ganti ia jika rosak. |
| E-3 | Glukosa darah anda mungkin terlalu tinggi atau ralat meter atau jalur ujian berlaku.<br>• Jika nilai pengukuran anda sepadan dengan bagaimana anda rasa, hubungi pakar kesihatan anda serta-merta.<br>• Jika nilai pengukuran anda tidak sepadan dengan bagaimana anda rasa, ulang pengukuran glukosa darah. Lihat Bab 2 Nilai glukosa dalam darah yang luar biasa.<br>  • Jika kod E-3 masih muncul untuk pengukuran glukosa darah anda, nilai glukosa dalam darah anda mungkin terlalu tinggi dan di atas julat bacaan sistem. **Hubungi pakar kesihatan anda serta-merta.**<br>  • Jika nilai pengukuran kedua tidak sepadan dengan bagaimana anda rasa, lakukan ujian kawalan dengan larutan kawalan dan jalur ujian baharu.<br>  • Jika keputusan kawalan dalam julat yang diterima, semak semula tatacara pengujian yang betul dan ulang pengukuran glukosa darah dengan jalur ujian baharu.<br>  • Jika keputusan kawalan tidak di dalam julat yang boleh diterima, lihat Bab 4 Memahami keputusan kawalan luar julat. |
| E-4 | Tidak cukup darah atau larutan kawalan diserap ke dalam jalur ujian untuk pengukuran atau diletakkan selepas ujian bermula. Buang jalur ujian dan ulang pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan. |

| Paparan | Tindakan |
|---|---|
| E-6 | Darah atau larutan kawalan diletakkan pada jalur ujian sebelum simbol titisan berkelip muncul pada paparan. Buang jalur ujian dan ulang pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan. |
| E-7 | Ralat elektronik berlaku, atau kes yang jarang berlaku, jalur ujian yang telah digunakan telah dialih keluar dan dimasukkan semula. Matikan dan hidupkan meter, atau keluarkan bateri selama 20 saat dan masukkan semula bateri. Menjalankan pengukuran glukosa darah atau ujian kawalan. |
| E-8 | Suhu di atas atau di bawah julat yang sesuai untuk sistem. Rujuk pada sisip bungkusan jalur ujian untuk keadaan pengendalian sistem. Pindah ke kawasan yang sesuai keadaannya, tunggu 5 minit dan ulangi pengukuran glukosa darah dan ujian kawalan tersebut. Jangan memanaskan atau menyejukkan meter secara dibuat-buat. |
| E-9 | Bateri hampir kehabisan kuasa. Tukar bateri sekarang. Jika mesej muncul semula selepas bateri diganti, alih keluar bateri semula, tekan mana-mana butang meter, kemudian masukkan semula bateri. |
| E-10 | Tetapan masa dan tarikh mungkin tidak betul. Pastikan masa dan tarikh betul dan laraskan jika perlu. |

# 5 Penyelenggaraan dan pencarisilapan



53931_07738153001.indb 36 10/30/15 8:20 AM

## Had produk

Lihat bungkusan tulisan bersama jalur ujian dan larutan kawalan untuk maklumat terkini mengenai spesifikasi dan had produk.

| Spesifikasi | |
|---|---|
| **Kuantiti darah**<br>**Jenis contoh**<br>**Masa pengukuran**<br>**Julat pengukuran**<br>**Syarat penyimpanan jalur ujian**<br>**Keadaan pengendalian sistem** | Rujuk pada sisip bungkusan jalur ujian. |
| **Syarat penyimpanan meter** | Suhu: -25–70 °C |
| **Kapasiti memori** | 500 nilai glukosa dalam darah dan 20 keputusan kawalan dengan masa dan tarikh |
| **Padam secara automatik** | 2 minit |
| **Bekalan kuasa** | Satu bateri litium 3 volt (jenis sel syiling CR2032) |
| **Paparan** | LCD |
| **Dimensi** | 94 × 52 × 21 mm (PLT) |
| **Berat** | Anggaran 59 g (dengan bateri) |
| **Pembinaan** | Pegang dengan tangan |
| **Kelas perlindungan** | III |
| **Jenis meter** | Meter Accu-Chek Performa sesuai untuk pengendalian berterusan. |
| **Syarat penyimpanan larutan kawalan** | Rujuk pada sisip bungkusan larutan kawalan. |



53931_07738153001.indb 37 10/30/15 8:20 AM

# 6 Maklumat teknikal

**Keserasian elektromagnet** – Meter ini memenuhi keperluan keimunan elektromagnet mengikut EN ISO 15197 Lampiran A. Asas terpilih untuk ujian keimunan nyahcas elektrostatik adalah piawai asas IEC 61000-4-2. Tambahan lagi, meter memenuhi keperluan pelepasan elektromagnet mengikut EN 61326. Oleh itu pelepasan elektromagnet rendah. Gangguan daripada meter kepada peralatan lain yang menggunakan elektrik tidak dijangkakan.

**Analisis prestasi** – Rujuk pada sisip bungkusan jalur ujian.

**Prinsip ujian** – Rujuk pada sisip bungkusan jalur ujian.

## Maklumat keselamatan produk

**⚠ AMARAN**

- Bahaya tercekik. Bahagian kecil. Jauhkan daripada kanak-kanak di bawah umur 3 tahun.
- Medan elektromagnet yang kuat boleh mengganggu pengendalian wajar meter. Jangan gunakan meter dekat dengan sumber radiasi elektromagnet kuat.
- Untuk mengelakkan nyahcas elektrostatik, jangan gunakan meter dalam persekitaran terlalu kering, terutamanya di mana terdapat bahan sintetik.

## Melupuskan meter

**⚠ AMARAN**

- Semasa pengujian glukosa darah, meter itu sendiri boleh terkena darah. Meter yang sudah digunakan oleh itu membawa risiko jangkitan. Sebelum melupuskan meter, alih keluar bateri atau bateri-bateri. Lupus meter yang sudah digunakan mengikut peraturan yang diguna pakai dalam negara anda. Hubungi majlis tempatan dan pihak berkuasa untuk maklumat mengenai pelupusan yang betul.
- Meter tidak termasuk dalam skop Arahan Eropah 2002/96/EC – Arahan mengenai sisa peralatan elektrik dan elektronik (WEEE).
- Lupuskan bateri yang sudah digunakan mengikut peraturan alam sekitar tempatan.



53931_07738153001.indb 38 10/30/15 8:20 AM

## Penerangan tentang simbol

Simbol-simbol ini mungkin tertera pada bungkusan, pada plat jenis, dan dalam arahan untuk meter Accu-Chek Performa.

| | |
|---|---|
| | Rujuk kepada panduan pengguna |
| | Amaran, rujuk kepada langkah-langkah keselamatan di dalam panduan pengguna produk ini. |
| | Had suhu (Penyimpanan) |
| | Pengeluar |
| REF | Kod katalog |
| IVD | Peranti perubatan diagnostik in-vitro |
| GTIN | Nombor butiran perdagangan global |
| CE 0088 | Produk ini mematuhi keperluan Arahan Eropah 98/79/EC sebagai peranti perubatan in-vitro diagnostik. |
| | Jenis sel syiling CR2032 3 volt |

# 6 Maklumat teknikal

## Jaminan

Peruntukan berkanun mengenai hak jualan barangan pengguna di negara pembelian hendaklah diguna pakai.

## Bekalan tambahan

### Jalur ujian

Jalur ujian Accu-Chek Performa

### Larutan kawalan

Larutan kawalan Accu-Chek Performa

## Maklumat untuk pakar kesihatan

**⚠ AMARAN**

Pakar Kesihatan: Ikut tatacara kawalan jangkitan yang sesuai untuk sarana anda. Rujuk pada sisip bungkusan jalur ujian untuk maklumat tambahan pakar kesihatan.



53931_07738153001.indb 40 10/30/15 8:20 AM

## Pengendalian sampel

Sentiasa pakai sarung tangan semasa mengendalikan barangan yang tercemar dengan darah. Sentiasa mematuhi tatacara yang diiktiraf untuk mengendalikan objek yang berpotensi tercemar dengan bahan manusia. Ikut dasar kebersihan dan keselamatan makmal atau institusi anda. Sediakan tapak pengumpulan darah terpilih mengikut dasar sarana.

Rujuk sisip bungkusan jalur ujian untuk maklumat tambahan berkaitan dengan jenis sampel, antigumpal dan arahan pengendalian yang diterima.

## Mengesyorkan ujian tempat cucukan yang lain kepada pesakit

Keputusan mengenai sama ada untuk mengesyorkan ujian tempat cucukan yang lain (AST) hendaklah mengambil kira dorongan dan tahap pengetahuan pesakit dan keupayaan beliau untuk memahami pertimbangan berkaitan dengan diabetes dan AST. Jika anda mempertimbangkan untuk mengesyorkan AST untuk pesakit anda, anda perlu memahami bahawa terdapat kemungkinan perbezaan ketara antara nilai pengukuran hujung jari dan tapak tangan dengan nilai pengukuran yang diperoleh dari lengan bawah dan lengan atas. Perbezaan tumpuan batas kapilari dan perfusi darah keseluruhan tubuh boleh membawa kepada perbezaan tapak ke tapak dalam nilai glukosa dalam darah. Kesan fisiologi ini berbeza antara individu dan boleh berbeza dalam seorang individu bergantung pada kelakuan beliau dan keadaan fizikal relatif.

Kajian kami melibatkan pengujian tempat cucukan yang lain dewasa dengan diabetes menunjukkan bahawa kebanyakan orang akan mendapati paras glukosa mereka berubah lebih cepat dalam darah dari hujung jari atau tapak tangan berbanding dalam darah dari lengan bawah atau lengan atas. Ini penting terutamanya apabila paras glukosa dalam darah menurun atau meningkat dengan cepat. Jika pesakit anda biasa membuat keputusan terapi berdasarkan pada nilai pengukuran hujung jari atau tapak tangan, beliau perlu mengambil kira kelambatan, atau masa lengah, mempengaruhi nilai pengukuran yang diperoleh dengan darah dari lengan bawah atau lengan atas.

# 6 Maklumat teknikal



53931_07738153001.indb 42 10/30/15 8:20 AM

# Indeks


**A**
Alat bip, tetapan 21
Amaran hipoglisemik, tetapan 25

**B**
Bateri, memasang 31
Bateri, menukar 31
Bekalan 40
Butang, hidup/mati/set 5, 8

**G**
Glukosa darah rendah 16
Glukosa darah tinggi 16

**H**
Had produk 37
Hiperglikemia 16
Hipoglisemia 16

**J**
Jalur ujian 6, 7
Jaminan 40
Jenis bateri 31, 37

**K**
Keputusan kawalan, memahami luar julat 30
Komputer, memindahkan hasil pengukuran ke 26

**L**
Larutan kawalan 27

**M**
Maklumat keselamatan produk 38
Maklumat teknikal 37
Masa dan tarikh, tetapan 20
Memori, meter 17
Mesej paparan 33
Mesej ralat 34
Meter, melupuskan 38
Meter, membersihkan 32

**N**
Nilai glukosa dalam darah
luar biasa 15

**P**
Pakar kesihatan 40
Pemeriksaan paparan 8
Pencarisilapan 33
Pengukuran glukosa darah 9
Penutup tempat bateri 5
Penyelenggaraan, meter 31
Peringatan ujian selepas makan 14, 22
Peringatan ujian, tetapan 23

**S**
Simbol 39
Simptom, hipoglisemia/hiperglikemia 16
Spesifikasi produk 37

**T**
Tanda am 14
Tanda nilai pengukuran 14
Tanda sebelum makan 14
Tanda selepas makan 14
Tarikh tamat tempoh simpanan 7, 27
Tetapan, meter 19

**U**
Ujian kawalan, menjalankan 28
Ujian tempat cucukan yang lain 12, 41




53931_07738153001.indb 43 10/30/15 8:20 AM

# Nota



53931_07738153001.indb 44 10/30/15 8:20 AM

**Malaysia**

Customer Support and Service Centre:
Toll-Free Line: 1-800-88-1313
www.accu-chek.com.my

SEMAKAN TERAKHIR: 2014-12

Roche Diabetes Care GmbH
Sandhofer Strasse 116
68305 Mannheim, Germany
www.accu-chek.com

CE 0088 IVD

ACCU-CHEK dan ACCU-CHEK PERFORMA adalah jenama dari Roche.

© 2015 Roche Diabetes Care
07738153001-0815